

Tema 9 Ekonomi dan Pengurusan Kewangan
Tema 10 Pelancongan

Hal. Buku Teks: 97 – 120

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.2.3; 5.1.1; 5.1.2; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Setiap hari, Amir akan menyimpan baki wang sakunya ke dalam _____ buluhnya.
A laci C tabung
B poket D almari
- Ibu dan ayah gemar membeli-belah di _____ kerana harga barangan yang dijual di situ agak murah.
A Klinik Wawasan
B Pasar Raya Jimat
C Menara Kuala Lumpur
D Bank Simpanan Nasional
- Ainan berasa sungguh gembira apabila dapat menaiki _____ semasa makan angin di Tanah Tinggi Genting.
A kereta kabel C kapal layar
B kereta api D kapal terbang

Sudut Bahasa

- Kata majmuk ialah dua atau lebih kata yang membawa satu makna.
Contohnya, *jam tangan, beg tangan, jalan udara*, dan sebagainya.

- “Wah, layang-layang berbentuk sotong itu terbang _____!” kata Ilman sambil menunjuk ke arah layang-layang itu.
A tinggi C lebar
B panjang D besar

Soalan 5 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Ada pihak yang menawarkan pelbagai skim-skim untuk memperdaya pengguna. Tiada kesalahan
A B C D
- Ibu memberikan pembayaran bukti bersama-sama dengan borang kepada syarikat tersebut.
A B C D
Tiada kesalahan
- Pelancong dapat melihat puncak Gunung Kinabalu yang sungguh indah di kawasan peranginan itu.
A B C D
Tiada kesalahan

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- Kami pun berjalan-jalan di sekitar kawasan itu sambil menghirup udara segar.

- II Ibu membeli sayur-mayur yang *segar* di Tanah Tinggi Cameron.
 - III Pelancong itu meneruskan pendakiannya apabila hari sudah *segar*.
 - IV Saya berasa *segar* kerana dapat bercuti ke Pulau Langkawi.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

9. I Encik Khirudin ingin *menjelaskan* perniagaan itu dengan membuka dua buah cawangan.
- II Saya dapat *menjelaskan* keindahan pulau peranginan melalui hotel itu.
- III Beliau berusaha untuk *menjelaskan* hutangnya dengan pihak bank.
- IV Petugas itu *menjelaskan* manfaat yang diperoleh oleh pengguna melalui skim yang ditawarkan itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Saya amat kagum sangat akan keindahan alam semula jadi di kaki gunung itu.
- A amat kagum
B paling kagum sangat
C sangat kagum amat
D amat kagum sangat
11. Beberapa orang pekerja sedang menjalani kursus pengurusan di bilik mesyuarat.
- A Beberapa orang pekerja-pekerja
B Berapa orang pekerja
C Beberapa orang kerja
D Beberapa orang pekerja

Soalan 12 – 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

12. I Kami menaiki bot ke Pulau Langkawi.
- II "Wah, pemandangan gunung-ganang itu indah nian!" kata Hanim.
- III Sekawan lembu sedang meragut rumput di padang yang lapang itu.
- IV Festival Layang-layang itu perasmii oleh Ketua Menteri Sarawak.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
13. I Hafiy telah menggunakan wang simpanannya untuk membeli beg sekolah.
- II Anisa dan keluarganya sedang beristirahat di tepi pantai.
- III Kakak merakamkan gambar hutan paya bakau dengan menggunakan telefon pintarnya.
- IV Nazrin telah lantik sebagai Bendahari Kelab Pengguna.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14 – 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Peribahasa yang berikut membawa maksud seseorang yang mengikut sifat atau tingkah laku ibu bapanya, **kecuali**
- A bapa borek, anak rintik.
B bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
C ayam baru belajar berkokok.
D ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
15. Peribahasa yang menggambarkan seseorang yang begitu gigih berusaha untuk berjaya ialah
- A hari tidak selamanya panas.
B pahit dahulu, manis kemudian.
C bertemu buku dengan ruas.
D di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Soalan 16 – 18 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Jika ayah menganggap Oren telah merajuk, mungkin ayah juga tahu sebab kucing sulungnya itu merajuk. Mungkin ayah telah sedar akan kesilapannya tetapi yang menjadi tanda tanya mereka sekeluarga sekarang adalah ke manakah Oren menghilangkan diri? Dalam diam-diam aku mengesyaki ada sesuatu berlaku kepada Oren tetapi aku hanya mampu memendamkannya. Aku bimbang ayah akan bertambah gelisah nanti. Aku juga tidak mahu menambah rasa bersalah ayah tentang sikap pilih kasihnya terhadap Oren sehingga Oren tidak pulang ke rumah. Adakah ayah juga barangkali terfikir tentang perkara yang ingin aku luahkan kepadanya?

Malam itu ayah hanya menjamah makan malam sedikit sahaja dan katanya dia tidak berselera. Kami tahu akan sebabnya dan tidak menyangka bahawa ayah terlalu risau akan Oren. Apabila selesai sahaja membasuh tangannya, ayah terus ke ruang tamu. Kelabu yang memang selalu mengekori ayah tidak dipedulikan oleh ayah pada malam itu.

Ibu, aku, Azura dan Anis yang masih belum menyudahkan makan malam hanya terdiam melihat reaksi ayah tentang kehilangan Oren. Ibu sebelumnya telah berpesan kepada kami supaya tidak memberikan apa-apa pandangan yang mungkin akan menyinggung atau menambahkan rasa bimbang ayah.

Di dalam bilik, adik keduaku, Azura mengadu kepadaku bahawa Oren tidak pulang ke rumah kerana Kelabu. Oren iri hati kerana Kelabu selalu di samping ayah. Kelabu memang pandai menarik perhatian ayah. Kemanjaannya membuatkan Oren tersisih daripada perhatian ayah sedangkan Oren tidak pandai mengambil kesempatan yang ada sehingga kesempatan itu digunakan oleh Kelabu. Barangkali benar kata-kata adikku itu. Memang Oren tidak tahu menunjukkan kemanjaannya dalam keluarga kami. Situasi ini berbeza sejak kehadiran Kelabu. Kelabu pandai mengambil kesempatan untuk menunjukkan kejinakannya kepada kami sekeluarga.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Oren',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

16. Mengapakah ayah tidak berselera makan pada malam itu?
- A Ayah telah melakukan kesilapan.
 - B Ayah menganggap Oren telah merajuk.
 - C Ayah telah bersikap memilih kasih terhadap Oren.
 - D Ayah risau akan Oren yang menghilangkan diri.
17. Ibu berpesan kepada "aku", Azura, dan Anis supaya
- A tidak menambah rasa bersalah ayah tentang sikap pilih kasihnya.
 - B tidak memberikan apa-apa pandangan yang menyinggung perasaan ayah.
 - C memendamkan sahaja perkara yang berlaku terhadap ayah dan Oren.
 - D sentiasa memberikan perhatian kepada Oren dan Kelabu.
18. Yang berikut adalah benar tentang petikan cerpen tersebut, **kecuali**
- A Kelabu dan Oren sangat manja dengan ayah.
 - B Oren dan Kelabu ialah kucing peliharaan keluarga "aku".
 - C Ayah kurang memberikan perhatian kepada Oren berbanding Kelabu.
 - D Azura berpendapat bahawa Oren iri hati kepada Kelabu.